

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR**  
**JABATAN SENI BINA DALAMAN**  
**DIS 2005 – MEI 2006**

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh:

**MOHD ISA BIN ARSHAD**


**2003260389**

bertajuk

**LAPORAN CADANGAN REKABENTUK DALAMAN**  
**LIVERPOOL SUPPORTERS CLUB MALAYSIA (LSCM)**  
**DI NO 76, JALAN TELAWI TIGA, BANGSAR,**  
**KUALA LUMPUR.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperoleh

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia	:	<sup>Siti</sup> Pr/Rohamini Bt. Yusoff	
Koordinator	:	Cik Mawar Bt. Masri	_____
Ketua Program	:	Prof. Rusni Bin Abd Rani @ Ghani	_____

## **ABSTRAK**

Projek yang telah dipilih bagi melengkapkan subjek pada semester akhir ini ialah Cadangan Rekabentuk Ruang Dalaman Kelab Penyokong Bolasepak Liverpool (LSCM) di atas sebuah lot 'corner' dan sebuah lot 'intermediate' di alamat bernombor No76, Jalan Telawi, Bangsar, Kuala Lumpur untuk Tetuan Kelab Penyokong Bolasepak Liverpool Cawangan Malaysia. Sebelum menjalankan thesis ini, pelbagai prosedur perlu dilalui mengikut fasa-fasa tertentu. Pelbagai faktor dan perkara penting telah diambil kira terutama dari sudut ruang dalaman serta kawasan luar tapak. Aktiviti mengenal pasti masalah yang wujud dilakukan terlebih dahulu sebelum proses yang seterusnya dijalankan. Ini adalah penting bagi mengelakkan berlakunya masalah yang sama pada masa hadapan dan supaya projek akhir ini boleh berjalan dengan lancar dan berkesan. Kajian bermula daripada peringkat perkara asas hinggalah perkara halus yang perlu diteliti. Kajian mengenai kelab-kelab lain yang sedia ada di seluruh dunia juga dilakukan bagi membuat perbandingan yang perlu. Sehubungan itu, proses pengumpulan data akan diterapkan supaya proses rekabentuk yang berjaya dan menarik dapat dihasilkan disamping dapat menonjolkan imej dan elemen yang hendak disampaikan. Justeru itu perancangan yang teliti telah dibuat sebelum proses rekabentuk. Kepentingan pengguna khususnya ahli kelab adalah diutamakan dalam merekabentuk kelab ini. Maka, satu ruang yang mempunyai imej dan elemen yang tersendiri harus direka bagi memberi kesan positif dari segi psikologi. Ia menjurus kepada satu ruang yang menaikkan semangat dan menampakkan ciri-ciri semangat membara pasukan Liverpool F.C khususnya.

## **ISI KANDUNGAN**

	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAB 1</b>		
1.0	PENGENALAN	1
1.1	Pengenalan kepada projek	2
1.1.1	Matlamat Projek	4
1.1.2	Objektif Projek	5
1.1.3	Isu dan masalah	6
1.1.4	Skop projek	7
1.1.5	Metadologi	11
1.1.6	faedah kepada masyarakat	12
<b>Bab 2</b>		
2.0	Klien	
2.1	Sejarah penubuhan	13
2.2	Carta organisasi	14
2.3	Aktiviti kelab	15
2.4	Keperluan ruang	16
<b>BAB 3</b>		
3.0	Analisa dan tapak bangunan	18
3.0.1	Plan kunci	19
3.0.2	Plan lokasi	20
3.0.3	Plan tapak	21
3.1	Kajian dan tapak bangunan	22
3.2	Sejarah dan ciri-ciri sedia ada tapak	22
3.3	Kawasan sekeliling	24
3.4	Struktur bangunan	26

3.5	Lalulintas dan tempat meletak kenderaan	33
3.6	Aktiviti dan aliran trafik	33
3.7	Kajian 'Accessibility'	34
3.8	Kajian kemudahan 'facilities'	35
<b>BAB 4</b>		
4.0	Kajian Pemerhatian	36
4.1	Kajian kesesakan	36
4.2	Pemerhatian ruang	37
4.3	Pemerhatian perancangan ruang	37
4.4	Pemerhatian laluan	38
4.5	Kajian temuramah	38
4.6	Kajian soal selidik	40
4.7	Kajian dokumen	40
4.8	Kajian kes	41
<b>BAB 5</b>		
5.0	Konsep dan perancangan rekabentuk	50
5.1	Cadangan konsep	51
5.2	Cadangan imej	53
5.3	Pembahagian ruang	55
5.4	Perancangan rekabentuk	59
5.5	Prinsip rekabentuk	59
5.6	Elemen rekabentuk	60
5.7	Pelan bangunan	61
5.8	'section' dan 'elevation'	63
5.9	Perspektif	65
<b>RUMUSAN</b>		68
<b>SUMBER RUJUKAN</b>		70
<b>LAMPIRAN</b>		72



## **1.0 PENGENALAN**

Sukan bolasepak adalah sukan yang mempunyai pengikut paling ramai bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia tanpa mengenal jantina dan usia. Peningkatan mutu dan taraf permainan bolasepak ini telah memartabatkan sukan ini di mata dunia. Status permainan yang mencapai tahap lima bintang di dunia amnya serta di Eropah khasnya telah menimbulkan isu yang menarik untuk diperbincangkan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa permainan bolasepak ini boleh menyebabkan sesebuah Negara itu terkenal di mata dunia. Contohnya seperti Negara Brazil, Itali, Argentina, Jerman dan England.

Sejarah kelab penyokong bolasepak bermula berdasarkan semangat penyokong yang terlalu fanatik terhadap sesebuah pasukan. Maka untuk menambahkan lagi rasa sokongan dan perasaan sayangkan sesebuah pasukan itu, wujudlah kelab-kelab penyokong yang sentiasa berdiri teguh di belakang pasukan sokongan mereka walau apa sekali pun yang terjadi terhadap 'dream team' mereka itu.

Selain daripada faktor-faktor kecemerlangan sesebuah pasukan itu meraih sesuatu gelaran, faktor-faktor lain seperti permainan yang bermutu, tarikan dan gaya permainan seseorang individu, kontroversi serta reputasi juga banyak mempengaruhi di dalam memancing penyokong-penyokong setia. Maka dengan itu wujudlah kelab penyokong seperti Liverpool Supporters Club Malaysia (LSCM), kelab penyokong Arsenal, Kelab penyokong Manchester United dan lain-lain.